

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Mengundi dan Kaitannya Dengan Agama

A. Hasan bin Ali dari kampung Melayu Singapura

bertanya:

Kami dua orang adik-beradik, mempunyai seorang ibu yang berniat hendak belayar ke Mekah menunaikan fardu haji. Tiada siapa-siapa orang yang menjadi mahram kepadanya untuk menemaninya dalam pelayaran melainkan kami berdua. Dan ibu hanya mengajak salah seorang sahaja dari kami berdua untuk menemaninya, kerana tambang dan ongkos pelayaran hanya cukup untuk dua orang. Saya berazam kuat hendak menemaninya. Dan begitu pula adik saya pun hendak turut bersama-sama dengannya, sedang ibu pula menyuruh kami berundi, siapa yang kena undian dialah yang akan menemaninya. Adakah undian dalam perkara seperti ini diluluskan oleh agama, atau adakah kaitannya dengan agama?

Tolonglah tuan menjelaskannya.

Jawapannya:

Mengundi – mengikut pendapat jumhur (kebanyakan) ulama fikah – adalah suatu perkara yang baik, hukumnya sunat. Ia dilakukan, untuk mengatasi kemusykilan atau menghuraikan kekusutan yang berlaku di antara dua atau beberapa pihak yang berselisih, sedang masing-masing pihak itu mempunyai hujah-hujah atau alasan-alasan yang sama pula kuatnya. Tujuan undian ini dilakukan, tak lain hanyalah untuk mencari kebaikan jua, bagi menghilangkan rasa tak puas hati dari semua pihak dan melenyapkan rasa buruk

sangka, di samping menyerahkan perkaranya kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, agar menolong mengatasinya dengan jalan mencabut undi.

Mengundi itu ada disyariatkan dalam agama, dan ada tersebut di dalam Qur'an dan hadith Nabi (S.A.W).

Dalam Qur'an, firman Allah (ayat 44 sūrat Āli 'Imrān) berbunyi:

“Dhālika min anabā'i al-ghaybi nūḥīhī ilayk, wa mā kunta ladayhim idh yulqūna aqlāmahum ayyuhum yakfulu maryama wa mā kunta ladayhim idh yakhtaṣimūn.”

Ertinya: “Demikian itu ialah perkhabaran yang ghaib (tak kelihatan). Kami wahyukan ianya kepada engkau (ya Muḥammad) sedang engkau tidak ada dekat mereka ketika mereka jatuhkan kalam-kalam mereka supaya nyata siapa di antara mereka akan memelihara Maryam, dan lagi engkau tak ada di sisi mereka ketika mereka berbantah-bantahan.”

Maksud ayat ini: Iaitu Allah menerangkan kepada Nabi Muḥammad (S.A.W) tentang kisah Sītī Maryam binti 'Imrān dan Nabi Allah Zakariyā serta pendeta-pendeta kaum Banī Israel daripada kisah-kisah yang tidak diketahui olehnya dan oleh kaumnya. Allah menceritakan kepada Nabi Muhammad (S.A.W); bahawa pendeta-pendeta dan Nabi Zakariyā telah berebut-rebut hendak memelihara Sītī Maryam, lalu berundi dengan mencampakkan kalam masing-masing ke dalam sungai untuk menentukan kalam siapa yang timbul dialah yang berhak memelihara Sītī Maryam. Akhirnya undian itu telah terkena kepada Nabi Zakariyā.

Dalam Qur'an juga, firman Allah (ayat 139-142 sūrat al-Ṣāffāt) berbunyi:

“Wa inna yūnusa lamina al-mursalīn. Idh abaqa ilā al-fulki al-mashḥūn. Fa sāhama fa kāna mina al-mudḥaḍḍīn. Fa iltaqamahū al-ḥūtu wa huwa mulīm.”

Ertinya: “Sesungguhnya Yūnus salah seorang dari para rasul. Ketika lari ia ke atas perahu yang penuh muatan. Kemudian diadakan undian, ia turut mengundi, maka ia mendapat kekalahan untuk dilemparkan ke dalam laut. Kemudian ia ditelan oleh ikan sedang kena cerca.”

Ayat ini menceritakan tentang Nabi Allah Yūnus *‘alayhi al-salām* bersama penumpang-penumpang sebuah perahu yang sarat oleh muatan. Mereka takut perahu itu karam, lalu berpakat untuk mengurangkan muatannya, caranya hendaklah salah seorang dari penumpang dicampakkan ke dalam laut supaya perahu itu agak ringan. Maka mereka pun berundi untuk menetapkan siapa yang mesti dicampakkan ke dalam laut. Nabi Zakariyā¹ turut mengundi, dan dia bernasib malang kerana undian itu jatuh kepadanya, maka dia telah mencampakkan dirinya ke dalam laut.

Dalam hadith pula: Imam al-Bukhārī dan Muslim meriwayatkan dari Abū Hurayrah (r.a.) katanya: Rasulullah (S.A.W) telah bersabda:

“Law ya ‘lamu al-nāsu mā fī al-nidā’i wa al-ṣaffi al-awwal, thumma lam yajidū illa an yastahimū ‘alayhi la astahamū.”

Ertinya: “Kalaulah orang-orang tahu (betapa besarnya pahala) dalam seruan (azan) dan *ṣaff al-awwal* (baris pertama dalam sembahyang) kemudian mereka tidak mendapati jalan lain (untuk merebut saf tersebut kerana banyaknya orang berjemaah) kecuali membuat undi, nescaya mereka akan merebutnya dengan jalan berundi.”

Dalam lain hadith, tersebut peristiwa tentang berundi untuk memerdekakan hamba-hamba sahaya.

Imam Muslim meriwayatkan dari ‘Imrān bin Ḥuṣayn katanya: “Ada seorang lelaki memerdekakan enam orang hamba sahaya semasa akan meninggal dunia, sedang dia

tidak mempunyai harta pusaka selain hamba-hamba sahaya tersebut. Mereka telah dipanggil oleh Rasulullah (S.A.W) lalu dibahagikan menjadi tiga per tiga bahagian, kemudian mereka diundi. Maka Baginda telah memerdekakan dua orang sahaja sedang empat orang yang lain tidak dimerdekakannya. Baginda telah berkata keras kepadanya (melarang memerdekakan semua hambanya), kerana perbuatan orang itu dikira sebagai wasiat, sedang berwasiat itu tidak sah kecuali sebanyak-sebanyaknya sepertiga harta sahaja, iaitu kadar yang dibolehkan dia memerdekakan dalam keadaan sakit tenat hendak mati.”

Dalam hadith sahih, Imam al-Bukhārī dan Muslim meriwayatkan dari ‘Abd Allāh bin Rāfi‘ sahaya kepada Saiyidatina Umm Salamah, Umm Salamah telah berkata: Rasulullah (S.A.W) telah didatangi oleh dua orang lelaki yang bertengkar mengenai pusaka kepunyaan keduanya, tetapi keduanya masing-masing tidak mempunyai bukti kecuali dakwaan sahaja. Maka ujar baginda (kira-kira maksudnya demikian): “Tak lain saya hanyalah manusia, sedang kamu bertengkar (minta penyelesaian) kepada saya. Boleh jadi setengah kamu hujahnya kurang tepat dari setengah yang lain, sedang saya menghukumkannya mengikut apa yang saya dengar. Maka barang siapa saya hukumkan diannya dapat sesuatu hak dari saudaranya, sedikit pun janganlah dia mengambilnya, kerana apa yang saya putuskan itu merupakan sepuntung api neraka.” Dan mengikut yang diriwayatkan oleh Abā Dāwud pula – disebutkan dalam hadith ini – “Maka kedua orang (yang bertengkar berebut pusaka) itu pun menangis. Lalu masing-masing berkata kepada yang lain; Hak saya adalah untukmu. Kemudian ujar baginda pula: Kalau kamu berdua telah melakukan apa yang kamu lakukan itu, maka hendaklah kamu lakukan pembahagian, dan masing-masing memadalah dengan haknya. Lalu keduanya pun membahagi pusaka itu bersama-sama antara kedua dan berselesai.”

¹ Perkataan sebenar ialah Yūnus.

Walaupun mengundi itu telah dibenarkan dalam agama kerana mempunyai nas-nas yang diterangkan tadi begitu jelas, namun terdapat juga ulama-ulama ahli fikah seperti Imam Abū Ḥanīfah dan sahabat-sahabatnya mengatakan; bahawasanya mengundi itu adalah merupakan judi dan *maysir*, yang Allah telah mengharamkan kerana menyerupai “*azlām*” iaitu mengundi dengan menggunakan anak panah.

Imam Abū Ḥanīfah tersebut, telah menghujah dengan berkata: Bahawa mengundi di dalam peristiwa Nabi Zakariyā dan juga yang dilakukan oleh Nabi (S.A.W) terhadap isteri-isterinya (kerana biasanya baginda membawa isterinya yang kena undian untuk menemaninya dalam pelayaran), hal itu menjadi harus kalau mereka yang berkenaan sama-sama reda-meredakan sahaja tanpa membuat undian.

Hujah ini, oleh Ibn al-‘Arabī telah disangkalnya dengan mengatakan: Hujah ini adalah lemah. Kerana mengundi itu faedahnya, ialah untuk mengeluarkan hukum yang tersembunyi semasa perebutan hak. Tentang apa yang ditimbulkan oleh perasaan sama-sama meredakan, itu adalah suatu bab yang lain pula. Dan tidaklah sah bagi seseorang mengatakan; bahawa mengundi itu berlaku dengan jalan sama-sama reda-meredakan (suka sama suka), mengundi tak boleh disamakan dengan jalan sama-sama reda.

Setelah kami jelaskan kaitan mengundi dengan agama berdasarkan nas-nas di atas, maka eloklah pula diterangkan di sini; bilakah undian itu dapat dijalankan? Bagaimana caranya mengundi? Dan kepada apa undian itu boleh dilakukan?

Bilakah Undian Dilakukan?

Undian dilakukan, jika kedua belah pihak yang berselisih masing-masing hanya mendakwakan sesuatu sedang buktinya masing-masing tidak ada. Keputusan undian itulah

yang menetapkan hukum, agar terbeza antara satu dengan yang lain.

Adapun jika salah satu pihak sahaja yang mempunyai bukti, bolehlah dijalankan hukuman berdasarkan bukti – dengan tidak payah lagi mengadakan undian.

Adapun jika kedua-kedua belah pihak sama-sama mempunyai bukti, cara menyelesaikan ialah; digugurkan bukti-bukti tersebut lalu dijalankan undian, dan keputusan undian itulah yang dijadikan hukum.

Ataupun dengan mengikut cara lain, iaitu kedua-dua bukti itu tetap ditegakkan, lalu barang yang diperselisihkan itu hendaklah dibahagikan sama banyak kepada kedua belah pihak, kerana keduanya sama-sama mempunyai bukti.

Dalam hubungan ini, Abū Mūsā telah meriwayatkan: Ada dua orang bertengkar minta diselesaikan perkaranya kepada Rasulullah (S.A.W) mengenai seekor binatang dan tiap-tiap seorang dari keduanya mempunyai bukti bahawa binatang itu kepunyaannya. Maka Rasulullah (S.A.W) telah menghukumkan tiap-tiap seorang mendapat separuh bahagian dari binatang itu. Oleh kerana sama-sama mendakwakan, sama-sama pulalah bahagiannya.

Bagaimana Caranya Mengundi?

Cara mengundi – mengikut al-Shafi‘ī ialah; dengan menggunakan beberapa potong kertas kecil-kecil yang sama besarnya, masing-masing ditulis di atas nama-nama pengundi, kemudian dibalutkan kertas itu ke tanah liat yang dibulat-bulatkan seperti peluru yang masing-masing sama pula besarnya dan dikeringkan, lalu ditaburkan di atas sehelai kain, kemudian ditutup pula di atasnya dengan sehelai kain yang lain. Undian pun dijalankan dengan memasukkan tangan ke bawah kain tersebut untuk mengambil sebiji dari buah undian itu lalu dikeluarkan. Siapa yang namanya keluar, dialah yang terkena undi.

Ada pula cara mengundi itu dengan menggunakan cincin-cincin kepunyaan orang yang hendak mengundi. Semuanya dimasukkan ke dalam lengan sebuah baju. Bila semua cincin itu telah berkumpul dalam lengan baju itu, lalu dicurahkan ke tanah. Cincin siapa yang keluar dahulu dialah yang kena undian.

Dan ada lagi cara mengundi itu dengan menerbangkan burung. Masing-masing pihak memilih ke arah mana yang disukainya – ke kiri atau ke kanan – lalu burung itu dilepaskan. Ke mana arah burung itu berbelok semasa terbangnya maka pihak yang memilih arah burung itulah yang kena undian.

Dalam hubungan ini ada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah katanya: “Dua orang telah berdakwa-dakwa mengenai sesuatu barang, tetapi tak seorang pun dari keduanya yang mempunyai bukti. Maka kedua orang tadi telah diperintahkan oleh Rasulullah (S.A.W) supaya mengundi dengan melepaskan burung – sama ada keduanya suka atau terpaksa.”

Kepada Apakah Undian Itu Boleh Dilakukan?

Sudah barang tentu mengundi itu boleh dilakukan untuk mengatasi sebarang kemusykilan, kerana dengannya diambil keputusan bagi menetapkan hukum dengan terangnya dan dihilangkan segala kesamaran begitu pula sangkaan-sangkaan buruk di samping memuaskan segala pihak. Jadi bolehlah saudara kedua beradik melakukan undian seperti yang ibu saudara suruh berundi, siapa yang kena undi dialah yang akan menemaninya belayar untuk menunaikan fardu haji itu.

Dan tentunya pula mengundi dalam perkara-perkara yang hukumnya telah sedia ada dalam hukum syarak, tidaklah boleh dijalankan langsung, bahkan perbuatan itu berlawanan dengan hukum syarak.

Adapun mengundi dengan mencampakkan manusia ke dalam laut dari kapal semasa kapal itu menghadapi bahaya gelombang yang besar sebagai ikhtiar meringankan muatannya supaya jangan tenggelam, maka perbuatan itu adalah dilarang. Muatan yang boleh diundi untuk dicampakkan ke laut hanyalah yang berupa barang-barang sahaja – bukan manusia, dan tiadalah boleh berkias dengan apa yang berlaku kepada diri Nabi Allah Yūnus *‘alayhi al-salām* semasa menghadapi gelombang besar yang akan menenggelamkan perahunya beliau terkena undi lalu menerjunkan dirinya ke dalam laut. Berkias dengan peristiwa ini tidak dibenarkan.

Andainya sebuah kapal yang sarat dengan muatan terancam oleh gelombang besar yang mungkin mengaramkannya, adalah diharuskan mencampakkan muatannya yang berupa harta perniagaan sahaja. Tiada jalan yang membolehkan untuk mencampakkan *passenger-passengernya* atau anak-anak kapalnya – baik lelaki mahupun perempuan, merdeka ataupun hamba, kafir ataupun Muslim. Yang demikian itu ialah mengikut ijmak ulama yang mendasarkan hukum “bahawasanya menyebabkan kematian seseorang anak Adam dengan tujuan menyelamatkan yang lain itu, adalah tidak dibenarkan.” *Wa Allāhu a‘lam*.

Dalam suatu mesyuarat umum di Riyadh yang di antaranya Mufti ‘Arabiyyah Sa‘udiyah, Syeikh Muhammad bin Ibrahim dan *Vice Chancellor* Universiti Islam Madinah, Shaykh Abd al-Aziz bin Baz telah memberi ucapan menyatakan supaya negara-negara Arab Bersatu bersama-sama umat Islam Pakistan yang sedang berjihad menolak serangan India. Di dalam perjumpaan itu wang sebanyak 500,000 riyal telah dipungut kerana membantu Pakistan.